

15 MAY 2002

MALAYSIA-PERUNDINGAN/I

AHLI KONGRES PUJI M'SIA ATAS USAHA PEMBANGUNAN DGN PENDEKATAN SENDIRI

Oleh: Salmu Hashim

WASHINGTON, 15 Mei (Bernama) -- Seorang ahli Kongres Amerika memuji kejayaan Malaysia mencapai keputusan positif meskipun tetap meneruskan pembangunan dengan pendekatan sendiri di tengah-tengah kritikan daripada agensi global, dengan menyatakan ia membuktikan dengan jelas keupayaan negara untuk menguruskan ekonominya.

Ahli Demokrat, Gregory W. Meeks dari New York, berkata beliau kagum dengan Malaysia kerana selama 30 tahun ini ia telah mempraktikkan pendekatan sendiri kepada pembangunan ekonomi.

Dan "mereka tidak mengikuti pendekatan Bank Dunia atau IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa) dan keputusan positif itu telah membuktikannya," katanya.

Meek, pengerusi bersama Perundingan Persahabatan Malaysia-Amerika, berkata demikian selepas pelancaran perundingan tersebut yang dikenali sebagai Perundingan Kerjasama Perdagangan, Keselamatan dan Ekonomi Malaysia, oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam Selasa.

Beliau berkata, AS dan Malaysia mempunyai ikatan erat dalam ekonomi dan pertahanan dan merupakan rakan dalam memerangi keganasan. "Meskipun dिसisihkan dalam filem "Black Hawk Down", Malaysia juga turut berperang bersama kami di Somalia."

Meeks berkata Perdana Menteri telah menegaskan kepada Dunia Islam bahawa prinsip mana-mana serangan bersenjata ke atas orang awam oleh individu, kumpulan atau negara, tanpa mengira justifikasinya, perlu ditakrif di seluruh dunia sebagai keganasan.

"Dan kami perlukan jelaskan bahawa Malaysia tidak datang berjumpa kami untuk mendapatkan bantuan. "Malaysia cuba menjalin kerjasama sebenar dengan Amerika sebagai sebahagian daripada matlamat sendiri Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 dan wawasan Perdana Menteri bagi rantau Asean untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai penyumbang kepada ekonomi dunia," kata Meeks.

Sementara itu, pengerusi bersama Perundingan itu, Ahli Kongres Pete Sessions (Republican-Texas) berkata persidangan itu akan membantu memperjelas kepada anggota kongres lain dan pegawai-pegawai kerajaan AS mengenai manfaat hubungan kerjasama, anti-pengganas, pro-demokrasi dan perdagangan bebas dengan Malaysia. -- BERNAMA

SH MR ZK